

NO SOALAN :100

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN****DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. PUAN NURUL IZZAH BINTI ANWAR  
(LEMBAH PANTAI)**

**PERTANYAAN : LISAN**

**TARIKH : 01.08.2017**

**Y.B. PUAN NURUL IZZAH BINTI ANWAR [ LEMBAH PANTAI ]**  
minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan syarat-syarat yang ditetapkan kepada China Communications Construction Co. Ltd. (CCCC) bagi melaksanakan Projek Laluan Rel Pantai Timur (ECRL) supaya mendapat manfaat dan kedaulatan negara tidak terhakis.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, Projek Laluan Rel Pantai Timur (ECRL) merupakan projek infrastruktur negara yang telah diluluskan oleh Kerajaan pada 2016, memberi fokus utama kepada Koridor Ekonomi Pantai Timur (ECER) yang akan menghubungkan Pantai

Timur dan Lembah Klang. Pelaksanaan projek ECRL bakal menjadi pemangkin transformasi dan dijangka memberi kesan limpahan ekonomi (*economic spillover effects*) yang besar kepada negara dan rakyat, terutamanya bagi masyarakat di wilayah Pantai Timur.

Bagi makluman Yang Berhormat, terma-terma yang telah dipersetujui dalam Kontrak Kejuruteraan, Pemerolehan, Pembinaan dan Pentauliahan (EPCC) melibatkan beberapa aspek yang memberi kelebihan kepada Malaysia seperti berikut:

1. Penglibatan kontraktor tempatan sebanyak 30% bagi kerja-kerja civil bakal memberi sumbangan yang besar kepada industri pembinaan tempatan;
2. Penggunaan bahan tempatan akan sentiasa diberi perhatian dalam pelaksanaan projek ECRL;
3. Pembekalan peralatan, perkakasan dan jentera yang lengkap oleh CCCC bagi memastikan kelancaran projek; dan
4. Melindungi kepentingan pemilik projek.

Tuan Yang di-Pertua,

Pemilikan, pengurusan dan operasi ECRL dikawalselia sepenuhnya oleh Kerajaan Malaysia melalui syarikat milik penuh Menteri Kewangan Diperbadankan (MKD), iaitu Malaysia Rail Link Sdn Bhd (MRL), manakala *China Communications Construction Company* (CCCC) hanya bertindak sebagai kontraktor utama bagi projek ECRL. Oleh yang demikian, isu kedaulatan negara bakal terhakis disebabkan projek mega ini adalah tidak relevan dan tidak timbul sama sekali.

Malahan, selain daripada kesan limpahan ekonomi terutama di sepanjang koridor ECRL ini, kepakaran rakyat tempatan terutama di kalangan belia dalam industri rel dapat dipertingkatkan melalui program latihan industri yang akan diwujudkan. Sehubungan itu, Perjanjian Persefahaman (MoU) antara Malaysia dan *China Communications Construction Company* (CCCC) serta institusi pengajian tinggi awam, institut kemahiran dan kolej komuniti tempatan telah ditandatangani bagi merealisasikan kerjasama industri dan pihak akademik untuk Program Latihan Kemahiran Industri Projek ECRL. Program latihan ini memfokuskan peningkatan kemahiran graduan tempatan yang berpotensi untuk diambil bekerja oleh kontraktor ECRL dan industri. Dianggarkan sebanyak 3,600 anak tempatan bakal menjalani Program Latihan Kemahiran Industri Projek ECRL sekaligus memberi peluang kepada belia Malaysia memenuhi keperluan kerja dalam bidang rel dan kereta api ECRL.

Tuan Yang di-Pertua dan Ahli Yang Berhormat,

ECRL bukan sahaja projek yang dilihat sebagai “*game changer*”, malahan mampu membuka minda rakyat Malaysia terhadap komitmen negara dalam memastikan infrastruktur awam di Malaysia berjaya ditransformasi ke tahap yang lebih moden dan efisien, sekaligus memberi manfaat yang sama rata kepada setiap lapisan masyarakat. Melalui peningkatan taraf hidup rakyat dan pengurangan jurang ekonomi antara Pantai Timur dan Pantai Barat, ia sekaligus menyokong aspirasi dalam menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara berpendapatan tinggi dan turut memperkuatkan kedaulatan negara di peringkat antarabangsa.